

Caj-caj Untuk Manfaat

Ini adalah rider penolakan unit, di mana Caj Tabarru' ditolak setiap bulan daripada nilai unit anda untuk menampung kos rider. Tahap Caj Tabarru' adalah tidak dijamin dan boleh dipinda pada ulang tahun sijil dengan memberi notis 3 bulan.

Manfaat Tidak Akan Dibayar Dalam Kejadian Berikut

Untuk memastikan manfaat ini berpatutan, manfaat tidak dibayar sekiranya kemalangan berpunca dari kejadian berikut:

1. Penyertaan di dalam sebarang perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, atau sukan dan hobi berbahaya,
2. Kecederaan diri yang disengajakan atau membunuh diri atau cubaan membunuh diri,
3. Berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol atau disebabkan oleh penyedutan gas atau wasap, dan
4. Provokasi fizikal dan ganas.

Senarai di atas tidak menyeluruh, sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai maklumat di atas, atau ingin menyertai rider ini, sila minta helaian pendedahan produk dan ilustrasi jualan dari wakil jualan Etiqa, atau hubungi Etiqa Oneline di talian 1300 13 8888.

Maklumat Dan Pendedahan Penting

1. Ini adalah produk Takaful yang bergantung kepada prestasi aset-aset dasar, dan tidak merupakan produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah.
2. Risalah ini tidak boleh dianggap sebagai kontrak atau komitmen. Maklumat yang terkandung dalam risalah ini mungkin akan dipinda tanpa notis terlebih dahulu.
3. Rider ini hanya boleh dilampirkan kepada pelan asas Elite Takaful Berkaitan Pelaburan dengan sumbangan berkala.
4. Sebelum menyertai rider ini, anda perlu memahami sijil rider ini dengan baik bagi memastikan ianya memenuhi keperluan anda sebaiknya dan sumbangan yang perlu dibayar adalah mengikut kemampuan anda.
5. Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Berkaitan Pelaburan dan Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk kepada risalah *Insuranceinfo* tentang 'Takaful Berkaitan Pelaburan' dan 'Takaful Perubatan dan Kesihatan' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinannya dari wakil jualan Etiqa atau kunjungi www.insuranceinfo.com.my.
6. Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider ini, dengan menghantar arahan bertulis kepada kami dalam masa 15 hari selepas anda menerima sijil rider. Sekiranya anda memilih untuk membatalkan dalam masa 15 hari, kami akan mengagihkan semula caj-caj rider yang telah ditolak ke dalam Dana Pelaburan anda.
7. Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan termasuk Cukai Barang & Perkhidmatan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Ia adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

01/18/EVE

Etiqa Oneline 1300 13 8888
www.etiqa.com.my



www.facebook.com/etiqa


Etiqa Family Takaful Berhad (266243-D)
(Dahulu dikenali sebagai Etiqa Takaful Berhad)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)
Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
T +603 2297 3888 F +603 2297 3800

Diunderit oleh:
eTiQa
Takaful

Ahli Kumpulan **Maybank**

Rider Elite Takaful
Manfaat Kemalangan
(Rider Tambahan Pilihan)

Nikmati Kehidupan Bebas Daripada Kerisauan.



eTiQa
Takaful

Kemalangan Mungkin Berlaku, Tetapi Anda Dan Keluarga Anda Sentiasa Dilindungi

Menjalani gaya hidup yang sibuk sambil menguruskan hiruk-pikuk aktiviti harian boleh mendedahkan anda kepada kemalangan yang tidak dijangka. Suatu kemalangan ringan mungkin mengakibatkan kos perubatan yang mahal manakala kemalangan yang serius boleh mengakibatkan hilang upaya atau kematian, meninggalkan kesedihan dan penderitaan.

Ketika anda dan keluarga tersayang menjalani aktiviti kehidupan harian, yakinlah bahawa anda dan keluarga tersayang dilindungi dengan setiap langkah yang anda lakukan.



Manfaat Utama

Anda boleh melindungi diri anda, atau orang tersayang anda, mengikut faedah-faedah berikut di bawah rider ini.

1. Manfaat Kematian atau Kehilangan Kekal Akibat Kemalangan

Bayaran akan berbeza mengikut peratus daripada Jumlah yang Dilindungi Rider Elite Takaful Manfaat Kemalangan, berdasarkan kesan daripada kemalangan, yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Kesan Kemalangan	Manfaat yang dibayar sebagai peratus daripada Jumlah yang Dilindungi Rider Elite Takaful Manfaat Kemalangan
Kematian	100%
Hilang dua atau lebih anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki	100%
Hilang penglihatan kedua-dua mata yang menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan	100%
Hilang penglihatan sebelah mata yang menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan dan hilang satu anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki	100%
Hilang satu anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki	60%
Hilang penglihatan sebelah mata yang menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan	60%
Hilang pendengaran kedua-dua telinga yang menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan	60%
Hilang kebolehan bertutur yang menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan	60%
Hilang ibu jari dan jari telunjuk mana-mana belah tangan pada atau di atas buku jari	25%

Nota: Apabila bayaran mana-mana manfaat di atas telah dibuat, rider akan ditamatkan.

2. Manfaat Indemniti Berganda

Bayaran tambahan yang sama dengan pembayaran Manfaat Kematian atau Kehilangan Kekal Akibat Kemalangan jika kemalangan berlaku disebabkan oleh:

- Kemalangan yang melibatkan pengangkutan awam, kereta kabel, atau lif (selain daripada lif yang digunakan di lombong atau tapak pembinaan), sementara anda sebagai penumpang, atau
- Kebakaran di dalam bangunan awam (seperti hotel, teater atau pawagam), ketika anda berada dalam bangunan tersebut.

3. Manfaat Tunai Ihsan

Bayaran tambahan sebanyak 5% daripada Jumlah yang Dilindungi Rider Elite Takaful Manfaat Kemalangan, sehingga maksimum RM5,000, atas kematian berlaku disebabkan apa-apa punca.

4. Manfaat Peralatan Perubatan dan Alat Bantuan Pergerakan

Bayaran tambahan sebanyak RM 150 setiap kemalangan akan dibayar sebagai eluan untuk peralatan perubatan atau alat bantuan pergerakan (seperti tongkat, kerusi roda, pendakap lutut, orthotics, atau splin) yang diperlukan akibat kemalangan.

Manfaat Tambahan

Sebagai tambahan perlindungan di bawah Rider Elite Takaful Manfaat Kemalangan, anda boleh memohon untuk menyertai rider tambahan berikut:

1. Rider Elite Takaful Manfaat Pembayaran Balik Perubatan Akibat Kemalangan

Satu jumlah tambahan yang dibayar untuk membayar balik kepada perbelanjaan perubatan pembedahan, hospital, klinik dan perkhidmatan kejururawatan di rumah yang diperlukan jika Orang yang Dilindungi tercedera semasa kemalangan, tertakluk kepada maksimum 6% daripada Jumlah yang Dilindungi Rider Elite Takaful Manfaat Kemalangan.

2. Rider Elite Takaful Manfaat Indemniti Akibat Kemalangan Manfaat Indemniti Hospital Akibat Kemalangan

Satu jumlah tambahan yang dibayar sebanyak RM 8.50 sehari, bagi setiap RM 10,000 daripada Jumlah yang Dilindungi Rider Elite Takaful Manfaat Kemalangan untuk setiap penghosiptalan yang disebabkan oleh kemalangan melebihi 6 jam berturut-turut dan bermula dalam tempoh 36 jam dari waktu kemalangan. Jumlah bayaran di bawah manfaat ini untuk semua kesan kemalangan adalah terhad kepada 52 minggu sepanjang tempoh rider.

Manfaat Indemniti untuk Hilang Upaya Separa Akibat Kemalangan

Satu jumlah tambahan yang dibayar sebanyak RM 3.50 sehari, bagi setiap RM 10,000 daripada Jumlah yang Dilindungi Rider Elite Takaful Manfaat Kemalangan apabila cuti sakit yang disahkan untuk sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut akibat kemalangan. Bayaran itu adalah terhad kepada RM 1,000 setiap minggu, dan jumlah bayaran di bawah manfaat ini untuk semua kesan kemalangan adalah terhad kepada 52 minggu sepanjang tempoh rider.

Sekiranya Rider Elite Takaful Manfaat Tunai Hospital disertakan bersama dengan Rider Elite Takaful Manfaat Indemniti Akibat Kemalangan, pembayaran manfaat ini dibuat sama ada dari Rider Elite Takaful Manfaat Tunai Hospital atau Rider Elite Takaful Manfaat Indemniti Akibat Kemalangan, yang mana lebih tinggi.

3. Rider Elite Takaful Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) Lanjutan Akibat Kemalangan

Satu jumlah tambahan yang dibayar daripada Jumlah yang Dilindungi Rider Elite Takaful Manfaat Kemalangan pada Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) akibat kemalangan. HUMK mestilah sekurang-kurangnya 6 bulan berturut-turut.

Umur Kelayakan Dan Keluputan

Anda atau orang tersayang anda layak untuk dilindungi, jika berumur antara 14 hari dan 65 tahun, kecuali untuk Rider Elite Takaful Manfaat HUMK Lanjutan Akibat Kemalangan, sehingga umur 60 tahun.

Perlindungan hanya berkuat kuasa apabila dimaklumkan secara bertulis oleh Pengendali Takaful.

Manfaat akan diteruskan sehingga di awal ulang tahun sijil sebelum hari lahir ke-70, penamatian sijil asas, atau sebarang tuntutan terhadap Manfaat Kematian atau Kehilangan Kekal Akibat Kemalangan.